



Al-Qushayri; Biografi dan Sumbangannya Menerapkan Nilai Spiritual dalam Ilmu-Ilmu Islam

Shahrizal Mahpol¹, Syed Hadzrullathfi Syed Omar² & Mohd Rizal Mohd Abdan³

¹Calon Doktor Falsafah Universiti Sultan Zainal Abidin
srizal368@kelantan.uitm.edu.my

²Profesor Madya dan Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu
sylutfi@unisza.edu.my

³Pensyarah Undang-undang Universiti Teknologi MARA Kelantan

Abstrak: Salah seorang tokoh bidang spiritual terkenal pada kurun ke 5 Hijrah yang banyak menghasilkan karya dari berbagai disiplin ilmu Islam ialah ‘Abd al-karim bin Hawazin al-Qushayri (w. 465H). Beliau juga merupakan seorang ulama’ sufi yang sangat lantang memperjuangkan ketulinan ajaran spiritual dari doktrin-doktrin menyeleweng yang banyak berlaku pada zamannya. Justeru, artikel ini cuba menentengahkan latarbelakang beliau dan sumbangannya menerapkan nilai spiritual dalam berbagai disiplin ilmu Islam melalui karya-karya yang dihasilkan. Kajian berdasarkan analisis kandungan teks (content analysis) yang menjurus kepada penyelidikan keperpustakaan dan memfokuskan kepada analisis kandungan karya-karya al-Qushayri yang berkaitan sahaja. Kajian mendapati salah satu keistimewaan yang terdapat dalam beberapa karya-karya terpilih beliau ialah pendekatannya dalam mengintegrasikan antara ilmu syariat dan hakikat. Kajian mendapati beliau merupakan pelopor dalam menerapkan nilai-nilai spiritual Islam dalam disiplin ilmu tauhid dan ilmu nahu. Dalam bidang tafsir pula beliau telah memperkenalkan metod pentafsiran secara simbolik atau lebih dikenali sebagai tafsir ishāriy melalui karyanya berjudul “Latā’if al-Ishārāt”. Usaha beliau telah menjadikan pengajian ilmu-ilmu Islam lebih bersifat integratif dan bersepadu. Pendekatan yang beliau perkenalkan ini, telah menjadikan beliau terkenal dalam kalangan ulama’ sebagai tokoh ilmuan sufi yang menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat (al-jāmi‘ bayna al-syari’ah wa al-haqīqah). Kajian menyimpulkan bahawa, pendekatan yang diperkenalkan oleh al-Qushayri hendaklah dijadikan sebagai asas dan panduan untuk menerapkan nilai-nilai spiritual dalam subjek pengajian Islam di setiap peringkat pengajian di Malaysia. Apabila nilai-nilai tersebut dihayati dengan sebaiknya maka ia akan melahirkan insan yang seimbang dari aspek zahir dan batin.

Kata Kunci: *Al-Qushayri, Spiritual, Sufi Sunni, ilmu Islam, Hakikat.*

PENGENALAN

Di antara tokoh ilmuan dalam bidang spiritual yang banyak memberikan sumbangan kesufian dalam penulisannya ialah al-Qushayri (w. 465H). Selain bidang spiritual yang menjadi kepakarannya, beliau juga mahir dalam berbagai disiplin ilmu seperti fekah, usul fekah, tafsir Quran, Hadith dan nahu bahasa Arab. Penguasaan beliau dalam berbagai bidang ilmu Islam, telah mendorongnya untuk memperkenalkan satu pendekatan baharu yang bersepadu dalam menghasilkan karya-karya ilmiah. Beliau telah berjaya melakukan integrasi antara disiplin ilmu-ilmu Islam yang berlainan. Beliau dilihat antara tokoh awal dalam kalangan ilmuan Islam yang menerapkan nilai-nilai spiritual dalam ilmu tafsir, ilmu tauhid, dan ilmu nahu Arab.

NAMA AL-QUSHAYRI

Nama beliau ialah ‘Abd al-Karim bin Hawazin bin ‘Abd al-Malik bin Talhah bin Muhammad Al-Qushayri. *Kunyahnya* dikenali sebagai Abu al-Qasim dan gelarannya (*laqab*) ialah *Zayn al-Islam* yang bermaksud perhiasan Islam (‘Abd al-Ghafir al-Farisi 2008:326). Kebanyakan ulama’ yang menulis mengenai biodata beliau, bersepatutnya bahawa nama datuknya ialah ‘Abd al-Malik. Namun demikian, penulis mendapati Ibn Kathir mempunyai dua pendapat dalam menentukan nama sebenar datuk al-Qushayri. Dalam kitab “*al-*

Bidāyah wa al-Nihāyah”, Ibn Kathir (1985, 12:107) menyebutkan bahawa nama datuk al-Qushayri ialah Abdul Muṭṭalib. Manakala dalam kitabnya yang lain berjudul “*Ṭabaqāt al-Fuqahā’ al-Shafi’iyyīn*”, dinyatakan dengan jelas bahawa nama datuk beliau ialah ‘Abd al-Malik (Ibn Kathir 1993, 2:451) bersamaan dengan pendapat kebanyakan ulama’ dalam beberapa karya *tarājim* yang lain.

Kajian mendapati, besar kemungkinan maklumat awal yang diperolehi oleh Ibn Kathir mengenai nama datuk al-Qushayri ialah ‘Abd al-Muṭṭalib. Namun, maklumat tersebut telah dimansuhkan dengan dapatan terbaharu yang beliau perolehi bahawa datuknya bernama ‘Abd al-Malik sebagaimana dinyatakan dalam kitab *ṭabaqāt*nya. Hal yang demikian kerana perbincangan kitab tersebut mengenai latarbelakang al-Qushayri dilihat lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan kitab “*al-Bidāyah wa al-Nihāyah*”. Tambahan pula, nama ‘Abd al-Muṭṭalib merupakan nama yang tidak banyak digunakan dalam masyarakat sesudah kedatangan Islam. Ulama’-ulama’ tidak bersepakat mengenai keharusan menggunakan nama tersebut. Bahkan terdapat ulama’ yang telah mengharamkan penggunaan nama tersebut kerana ia membawa maksud perhambaan kepada selain Allah Ta’ala (Ibn al-Qayyim 431:166)

Dalam kalangan ulama’, beliau lebih dikenali dengan panggilan Al-Qushayri. Namun demikian, terdapat beberapa panggilan atau julukan lain yang diberikan antaranya ialah *al-Faqīh* (mahir dalam ilmu fekah), *al-Mutakallim* (alim dalam ilmu Kalam), *al-Uṣūliyy* (alim dalam usul fekah), *al-Mufasssir* (ahli tafsir quran), *al-Muḥaddith* (ahli Hadith), *al-Adīb* (sasterawan), *al-Naḥwīyy* (pakar dalam nahu), *al-Kātib* (penulis), *al-Shā’ir* (penyair), *al-Nīsābūriyy* (nisbah kepada Kota Nisabur ibu negeri Khurasan), *al-Khurāsāniyy* (nisbah kepada negeri Khurasan), *al-Ṣūfiyy* (ahli sufi), *al-Shāfi’i* (bermazhab Shafe’i), *al-Imām* (pemimpin), *al-Zāhid* (seorang yang zuhud), *al-Qudwah* (ikutan ummah), *Ṣāhib al-Risālah* (pengarang kitab “*al-Risālah*”), *al-Ustādh* (berpengetahuan luas setaraf dengan panggilan “*profesor*” pada zaman ini) dan lain-lain lagi (al-Dhahabi t.t., 13:548; al-Subki t.t., 5:153; Ismail Basha al-Baghdadi 1990, 1: 607)

KELAHIRAN

Al-Qushayri dilahirkan di sebuah tempat bernama Ustuwa iaitu satu kawasan penempatan yang terletak di Khurasan. Kawasan tersebut merupakan tempat yang telah melahirkan ramai ulama dan cendekiawan Islam dalam berbagai bidang keilmuan (Ibn Khallikan t.t., 3:208). Terdapat perselisihan pendapat ulama’ dalam menetapkan tarikh kelahiran beliau. Al-Dhahabi (t.t., 13:549) menyebutkan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 375 Hijrah. Manakala al-Subki (t.t., 5:153) dan kebanyakan ulama’ pula berpendapat bahawa beliau dilahirkan pada bulan Rabi’ al-Awwal 376 Hijrah bersamaan dengan bulan Julai 986 Masehi. Ibn al-Muallaqqan (1973, 1:260) yang merupakan pengarang kitab “*Ṭabaqāt al-Awliyā’*” mempunyai pendapat beliau sendiri dalam menentukan tarikh kelahiran al-Qushayri. Beliau menyatakan bahawa al-Qushayri telah dilahirkan pada tahun 377 Hijrah tanpa menentukan dengan jelas bulan kelahirannya.

Setelah meneliti kepada pendapat ulama’-ulama’ dalam menentukan tarikh kelahiran beliau, penulis cenderung kepada pandangan yang menyatakan bahawa al-Qushayri lahir pada tahun 376 Hijrah. Ini berdasarkan kepada pengakuan beliau sendiri ketika ditanya oleh salah seorang muridnya mengenai tarikh kelahirannya. Beliau menjawab dengan katanya: “*Aku dilahirkan pada bulan Rabi’ al-Awwal 376 Hijrah*” (al-Khatib al-Baghdadi t.t., 11:83).

ASAL USUL KETURUNAN

Al-Qushayri adalah dari keturunan bangsa Arab jati dari kedua belah ibu dan bapanya. Dari sebelah bapanya, beliau berketurunan kabilah *Qushayr al-‘Adnāniyyah* yang bersambung nasab dengan Rabi’ah bin Amir bin Ṣa’ṣa’ah bin Hawazin (Abdul Karim al-Sam’āni 1999:56). Menurut fakta sejarah, pada zaman pemerintahan Khalifah Umayyah, ramai dari golongan kabilah Qushayr telah berkelana. Terdapat sebahagian mereka yang menuju ke barat seperti Andalusia. Manakala sebahagian yang lain pula, menuju ke timur seperti Khurasan dan lain-lain lagi. Ramai di antara mereka yang menetap di sana telah menjadi gabenor dan pemimpin masyarakat (al-Zirikli 1980, 5 :198)

Manakala ibunya pula, adalah dari keturunan Bani Sulaym bin Mansur bin ‘Ikrimah bin Khaṣṣah bin Qīs yang berasal dari sebuah penempatan di Najad (al-Qalqashandiy 1991:294). Ibunya adalah saudara perempuan kepada Abu ‘Uqayl al-Sulamīy yang merupakan antara orang kenamaan di Ustuwa ketika itu (Ibn ‘Asakir 1984:272).

KEHIDUPAN BERKELUARGA

Allah telah mengurniakan kepada al-Qushayri sebuah kehidupan keluarga dari keturunan yang baik dan salih sehingga mampu melahirkan zuriat yang terdiri dari para cendekiawan Islam yang terkenal dengan keilmuan dan kezuhudan mereka. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan anak perempuan kepada Shaikh al-

Hasan bin Ali bin Muhammad bin al-Daqqaq yang terkenal dengan panggilan al-Ustadh Abu Ali al-Daqqaq (w. 405H). Beliau juga merupakan guru al-Qushayri dalam bidang spiritual. Kesungguhan beliau dalam mempelajari ilmu spiritual, telah menarik minat gurunya untuk menjadikannya teman hidup anak perempuannya yang bernama Fatimah (w. 480H). Walaupun sebenarnya telah ramai dalam kalangan keluarga terdekat beliau yang datang melamarnya (Ibn Khallikan t.t., 3:206).

Hasil perkongsian hidup dengan Fatimah, al-Qushayri telah dikurniakan seramai tujuh orang anak. Mereka ialah Abu Sa'd Abdullah, Abu Sa'id 'Abdul Wahid, Abu Mansur Abdul Rahman, Abu Nasr Abdul Rahim, Abu al-Fath 'Ubaydullah, Abu al-Muzaffar Abdul Mun'im ('Abd al-Karim al-Sam'ani 1999 :58) dan seorang anak perempuan bernama Amah al-Rahim (Ibn Khallikan t.t., 3 :225). Kesemua enam anak lelaki al-Qushayri, telah menurut jejak langkahnya dan menjadi ulama terkenal kerana mereka telah membesar di dalam sebuah keluarga yang mementingkan ilmu dan ketaqwaan sejak kecil lagi.

KEMATIAN

Pada awal tahun 465H, beliau telah jatuh sakit namun beliau tidak pernah meninggalkan kewajibannya terhadap suruhan Allah bahkan dilaksanakannya dengan penuh kesempurnaan (al-Subki t.t., 5:159). Pada hari Ahad sebelum terbit matahari tanggal 16 Rabi' al-Awwal tahun 465H beliau telah menghembuskan nafas terakhir untuk berjumpa dengan Penciptanya ketika berumur sekitar 90 tahun. Lalu disemadikan jasadnya bersebelahan dengan guru dan bapa mertuanya al-Daqqaq (Ibn Khallikan 1970, 3:207).

PENGAJIAN AL-QUSHAYRI

Sebelum perbincangan lanjut tentang ketokohan al-Qushayri di dalam bidang spiritual, adalah lebih utama untuk dilihat sebahagian dari guru-guru terkenal yang telah mengajar beliau dalam berbagai bidang ilmu Islam. Satu keistimewaan yang dinikmati oleh al-Qushayri ialah, kebanyakan guru-guru yang mengajar beliau adalah tergolong dalam kalangan ulama'-ulama' yang cenderung kepada ciri-ciri kesufian. Selain dari itu, mereka juga mempunyai kemahiran tinggi dalam setiap disiplin ilmu yang diceburi. Di sini, penulis hanya memaparkan sebahagian sahaja dari mereka yang dilihat banyak mempengaruhi pemikiran beliau mengikut bidang masing-masing sebagaimana berikut :-

Pujian Terhadap Ketokohan Al-Qushayri

Antara pujian yang diberikan ialah, pengakuan cucu al-Qushayri sendiri bernama 'Abd al-Ghafir bin Ismail (1989:334) tentang ketokohnya dalam ilmu spiritual Islam. Menurut beliau, datuknya merupakan seorang imam yang luas ilmunya dalam berbagai disiplin ilmu Islam. Beliau juga seorang yang sangat rajin menghasilkan karya yang banyak. Selain dari itu, beliau merupakan seorang ahli sufi yang tiada tolok bandingannya kerana mampu menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat secara praktik.

Seorang ulama' terkenal iaitu Al-Khatib al-Baghdadi (t.t., 11:83) juga telah memperkui tentang ketokohnya yang menonjol dalam bidang spiritual. Nama sebenar beliau ialah Abu Bakr Ahmad bin Ali. Beliau merupakan di antara barisan *murid-murid* al-Qushayri yang banyak menimba ilmu dengannya dan menyalin beberapa Hadith darinya. Beliau menegaskan bahawa al-Qushayri merupakan gurunya yang dipercayai (*thiqah*) dan petah dalam menyampaikan peringatan (*tadhkir*) yang berkesan kepada *murid-muridnya*. Ucapan syarahan beliau adalah sarat dengan simbolik spiritual dan begitu memberi kesan mendalam kepada orang yang mendengarnya.

Selain dari itu, seorang ulama' sufi yang sezaman dengan al-Qushayri dikenali dengan panggilan al-Hujwiri (w. 465H). Nama sebenar beliau ialah Ali bin Uthman. al-Hujwiri (1974:198) menyatakan bahawa, al-Qushayri merupakan seorang yang luas ilmu pengetahuannya. Beliau juga seorang tokoh yang terkehadapan dalam semua bidang ilmu khususnya ilmu yang berkaitan dengan spiritual. Beliau juga merupakan perhiasan kepada keindahan Islam itu sendiri. Al-Qushayri merupakan seorang yang tiada tandingan pada zamannya dan memiliki kedudukan yang tinggi serta terkenal dalam kalangan masyarakat. Setiap ilmu yang dibahaskan oleh beliau mengandungi rahsia-rahsia ilahi yang halus (*lat'āif*) dan simbolik-simbolik (*ishārāt*) yang terpancar ke dalam hati *murid-muridnya*. Beliau juga banyak menghasilkan karya-karya yang diperakui kewibawaannya dalam kalangan ulama'. Segala tidak tanduk perlakuan dan lidahnya adalah terpelihara dari perkara sia-sia dan maksiat.

Seorang lagi ulama' yang sempat bertemu dengan beberapa orang anak al-Qushayri bernama Abu Sa'd 'Abd al-Karim al-Sam'ani (w. 562H). Beliau merupakan pengarang kepada kitab "*al-Ansāb*" dan telah menulis mengenai ketokohan al-Qushayri di dalamnya. Al-Sam'ani (1999, 7:57) telah menyifatkan bahawa al-Qushayri sebagai seorang ulama' terkemuka di peringkat global pada zamannya. Beliau terkenal dengan sifat mulia, banyak ilmu dan sangat zuhud dalam kehidupan. Beliau juga menegaskan bahawa ulama'-ulama' sufi yang lahir selepasnya amat terhutang budi dengan sumbangan ilmunya lebih-lebih lagi dalam bidang

spiritual. Tiada satu pun doktrin atau ajaran mengenai hal ehwal spiritual yang diperkenalkan dalam karya-karya ulama' terkemudian, melainkan hanya merupakan cedokan dari pemikiran spiritual al-Qushayri.

Kritikan Terhadap Ketokohan Al-Qushayri

Walau sehebat mana sekalipun ketokohan al-Qushayri, namun beliau merupakan seorang insan yang tidak lepas dari melakukan kesilapan dan kesalahan. Maka sudah menjadi perkara biasa bagi seseorang insan walaupun ia merupakan tokoh ulama' yang ternama, namun pasti dia mendapat reaksi yang berbeza dari masyarakat dan para ilmuan yang mengkaji latarbelakang kehidupannya. Untuk menilai kesahihan sesuatu dakwaan, kedua-dua pandangan samada yang memuji dan mencemuh beliau perlu dilihat secara mendalam supaya dapat berlaku adil terhadap al-Qushayri.

Dalam hal ini, al-Subki (t.t., 4:161) pernah menyarankan agar setiap pengkaji merujuk kesahihan suatu tohmahan atau kekurangan seseorang tokoh kepada mereka yang berada di sekelilingnya. Pertanyaan-pertanyaan yang seadilnya hendaklah diajukan kepada ahli keluarganya, guru-guru dan juga hendaklah diteliti dengan terperinci setiap pandangan dan pemikirannya. Begitu juga, perlu dilihat pandangan masyarakat umum yang terdiri dari mereka yang tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Antara kritikan yang ditujukan ke atas al-Qushayri ialah pandangan dari Ibn al-Jawzi (2009:213) mengenai pemikiran spiritual yang diketengahkan olehnya. Beliau mengatakan bahawa, ajaran-ajaran spiritual yang dimuatkan dalam karyanya berjudul "*al-Risālah*" seperti perbincangan mengenai konsep *al-fanā' wa al-baqā'*, *al-qabā' wa al-basā'*, *al-waqt*, *al-sakr*, *al-ṣaḥw* dan lain-lain lagi mengandungi fakta-fakta yang mengelirukan. Selain dari itu, konsep-konsep tersebut juga tidak bernilai dari sudut ilmiyyah bahkan karya tafsirnya menurut Ibn Jawzi juga amat ganjil dan aneh sekali.

Penulis berpendapat bahawa kritikan Ibn Jawzi merupakan pandangan peribadi beliau dan sangat terpercil jika dibandingkan dengan pandangan yang menyanjungi ajaran spiritual al-Qushayri. Hal yang demikian kerana ilmu spiritual merupakan satu bidang ilmu yang mengandungi istilah-istilahnya yang tersendiri. Ia hendaklah difahami dari skop disiplin ilmu itu, dengan merujuk kepada ulama'-ulama' yang menceburkan diri mereka di dalam bidang tersebut. Dalam hal ini, terdapat ungkapan para *ārifīn biLlah* yang dinukilkan oleh al-Sa'rani (2012, 1:22) mengatakan bahawa: "*Kami merupakan satu golongan yang diharamkan melihat buku-buku kami bagi mereka yang bukan ahli pada jalan kami*".

Penulis berpandangan demikian, kerana Ibn Jawzi hanya menyatakan beberapa konsep yang diperkenalkan oleh al-Qushayri banyak yang mengelirukan dan ganjil. Namun, beliau dilihat tidak menjelaskan dari sudut mana ianya dikatakan sedemikian rupa. Berkemungkinan dalam memberikan komentar tersebut, Ibn Jawzi tidak merujuk kepada golongan yang arif mengenainya. Tambahan pula menurut al-Dhahabi (t.t., 21: 378), Ibn al-Jawzi terkenal sebagai tokoh ulama yang banyak mendapat maklumat dari buku-buku yang ditelaahnya sahaja. Al-Dhahabi juga telah menukikan kenyataan al-Muwaffaq 'Abd al-Latif (w. 629H) yang mengatakan bahawa, Ibn al-Jawzi merupakan seorang ulama' yang mempunyai pekerti yang mulia dan banyak menghasilkan karya dalam berbagai bidang seperti tafsir, Hadith, tarikh dan sebagainya. Namun demikian menurutnya, beliau kerap melakukan kesilapan dalam penulisannya. Justeru, penulis merumuskan bahawa kritikan Ibn al-Jawzi sebenarnya merupakan pandangan peribadi beliau dan memerlukan kepada penjelasan yang lebih mendalam.

PENERAPAN NILAI SPIRITUAL DALAM KARYA-KARYA AL-QUSHAYRI

Sumbangan seseorang dalam sesuatu bidang ilmu tertentu yang diceburi, dapat dilihat dengan jelas juga melalui hasil karya penulisannya. Sebagaimana telah diterangkan sebelum ini, al-Qushayri merupakan salah seorang ulama' yang banyak menghasilkan karya penulisan dalam berbagai disiplin ilmu Islam. Menurut laporan yang diberikan oleh cucunya 'Abd al-Ghafir (1989:19), beliau mula menceburkan diri dalam bidang penulisan sejak usia muda lagi sebelum tahun 410 Hijrah iaitu sebelum umurnya menjangkau 34 tahun. Karya terawal beliau ialah kitab tafsir berjudul "*al-Tafsīr al-Kabīr*" dan dikenali juga dengan nama "*al-Taysīr fī al-Tafsīr*" (Ibn Khallikan 1970, 3:206).

Setelah membuat kajian yang terperinci, penulis telah menemui 44 buah karya yang telah dihasilkan dari berbagai disiplin ilmu Islam yang mencakupi bidang tawhid, tafsir Quran, Hadith, spiritual, nahu Arab dan sebagainya. Kajian mendapati sebanyak 28 buah karya beliau telah ditemui yang sebahagiannya sudah dicetak dan sebahagian yang lain pula masih dalam bentuk manuskrip. Manakala baki karya beliau iaitu sebanyak 16 buah lagi masih lagi belum ditemui. Selain dari itu, kajian juga mendapati sebahagian dari karya beliau adalah memberi penekanan kepada nilai-nilai spiritual atau spiritual dalam setiap bidang yang diperbahaskan. Manakala sebahagian yang lain pula, dihasilkan mengikut tradisi penulisan dan tabe'i disiplin ilmu tersebut. Di sini, penulis hanya menyenaraikan beberapa karya sufi al-Qushayri yang telah ditemui antaranya ialah *Ahkam al-Sima'*, *al-Haqā'iq wa Al-Raqā'iq*, *al-Jawāhir*, *Manthūr al-Khiṭāb fī Mashhūr al-*

Abwāb, 'Ibārāt al-Ṣūfiyyah wa Ma'ānīha, Mukhtaṣar al-Tawbah, al-Qasīdah al-Ṣūfiyyah, al-Risālah al-Qushayriyyah, Hayāh al-Arwāh wa al-Dalīl ila Tariq al-Ṣalāh wa al-Falāh, Istifāḍah Al-Murādāt, Kanz al-Yawāqūt fi al-Wa'z wa al-Tadhkīr wa al-Zuhd dan Tartīb al-Sulūk fi al-Ṭariq ila Allah.

Selain dari karya-karya sufi yang dinyatakan di atas, terdapat juga beberapa hasil penulisan al-Qushayri dari berbagai disiplin ilmu Islam yang diterapkan dalam perbahasannya dengan nilai-nilai yang terkandung dalam disiplin ilmu spiritual. Kajian mendapati, beliau telah menerapkan nilai-nilai kesufian dalam disiplin ilmu tauhid, tafsir, nahu Arab dan sirah melalui karya-karya berikut:-

Penerapan Nilai Spiritual Dalam Ilmu Tauhid

Dalam bidang tauhid, al-Qushayri telah menghasilkan dua buah karya yang diterapkan nilai-nilai spiritual dalam perbahasannya yang berjudul "*al-Taḥbīr fi al-Tadhkīr*" dan *Sharḥ Asmā' Allah al-Ḥusnā*. Isi kandungan kedua-dua kitab ini adalah mengenai huraian dan kupasan nama-nama Allah melalui pendekatan spiritual. Setiap perbahasan dimulakan dengan menjelaskan pengertian nama-nama tersebut dari sudut bahasa dan istilah ilmu kalam. Kemudian disusuli pula kupasannya dengan memaparkan adab-adab yang mesti dilaksanakan setelah memahami maksud nama-nama Allah tersebut. Ia merupakan satu manifestasi kepada ciri penting yang terkandung dalam ilmu spiritual iaitu keutamaan beramal dengan ilmu yang diketahui. Ia juga bermaksud seorang ahli sufi tidak memada dengan hanya mengetahui makna dan maksud yang terkandung dalam nama-nama Allah semata-mata, bahkan ia dihendaki beramal dengan segala tuntutanNya.

Dalam kupasan mengenai sifat Allah "*al-Quddūs*" contohnya, kajian mendapati al-Qushayri telah menghuraikan makna sifat tersebut dari sudut bahasa yang bererti kesucian atau kebersihan. Dari sudut istilah pula, sifat tersebut bermaksud menafikan bagi Allah segala sifat kekurangan (*naqāiṣ*) dan mensucikan zatNya dari segala ciri kelemahan. Setelah menghuraikan maksud sifat tersebut dari aspek bahasa dan istilah, beliau menjelaskan pula beberapa adab dan akhlak yang mesti dilaksanakan terhadap tuntutan sifat tersebut. Justeru, setiap hamba yang beriman dengan sifat "*al-Quddūs*" hendaklah menyucikan dirinya dari menurut hawa nafsu, membersihkan hartanya dari perkara subahat, menghindari setiap detik yang dilaluinya dari perkara haram, menjernihkan hatinya dari bergantung kepada selain Allah dan sebagainya (al-Qushayri 1968:28 ; 1986:77)

Kedua-dua kitab ini sebenarnya mengandungi isi kandungan yang hampir sama, namun kitab "*Sharḥ Asmā' Allah al-Ḥusnā*" dilihat lebih terperinci dan mendalam perbahasannya dari sudut spiritual berbanding dengan kitab "*al-Taḥbīr fi al-Tadhkīr*". Menurut Ibrahim Bisayuni (1972:68), pendekatan yang dipelopori oleh al-Qushayri dalam kedua-dua kitab tersebut telah dijadikan panduan oleh al-Ghazali dalam menghasilkan karya beliau berjudul "*al-Maḥṣal al-Asnā fi Ma'rifah Asmā' Allah al-Ḥusnā*".

a) Penerapan Nilai Spiritual Dalam Ilmu Tafsir

Dalam bidang tafsir pula, al-Qushayri telah menghasilkan kitab tafsir ayat Quran melalui pendekatan kesufian berjudul "*Laṭā'if al-Isyārāt*". Metod penafsiran seumpama ini, dalam disiplin ilmu tafsir dikenali sebagai tafsir simbolik atau "*tafsīr isyāriyy*". Ia merupakan satu bentuk penafsiran kepada makna ayat-ayat Quran yang tidak berpandukan kepada makna zahir sebagaimana dapat difahami dari sudut bahasa. Biasanya, bentuk pentafsiran ini adalah bersandarkan kepada simbolik-simbolik (*ishārāt*) tersirat yang hanya dapat difahami oleh para ahli suluk dan ahli sufi sahaja (al-Zarqani 1998:386). Menurut al-Sabuni (1999:170), bentuk pentafsiran seperti ini sebenarnya memerlukan kepada penelitian yang amat mendalam. Ia dilakukan untuk mengelakkan dari timbulnya pentafsiran yang bersandarkan kepada kejahilan atau hawa nafsu, sebagaimana dilakukan oleh golongan al-Batiniyyah¹. Hal yang demikian kerana kalam Allah mengandungi maksud-maksud dan rahsia-rahsia yang sebahagiannya tidak dapat difahami oleh semua orang kecuali mereka yang telah mencapai tahap kemuncak *ma'rifah* dan kesempurnaan iman.

Kitab "*Laṭā'if al-Isyārāt*" merupakan antara karya al-Qushayri yang terbesar berbanding dengan karya-karya beliau yang lain. Beliau telah menghuraikan keseluruhan ayat Quran sebanyak tiga puluh juzuk dengan menerapkan nilai-nilai spiritual di dalam penafsirannya. Menurut Ibrahim Bisayuni (1972:56), penafsiran ayat Quran mengikut metod tafsir simbolik sebenarnya telah dipelopori oleh dua orang ulama sufi iaitu al-Tustari melalui karyanya berjudul "*Tafsīr al-Quran al-'Azīm*" dan al-Sulami menerusi kitab tafsirnya bertajuk "*Haqāiq al-Tafsīr*". Namun demikian, karya-karya tersebut menurutnya tidak mengenengahkan suatu bentuk penafsiran yang lengkap dan menyeluruh kerana ia hanya diaplikasikan dalam beberapa ayat yang dilihat mengandungi nilai kesufian tertentu sahaja. Berbeza dengan kitab "*Laṭā'if al-Isyārāt*", kerana hampir setiap ayat yang ditafsirkan oleh beliau adalah sarat dengan simbolik sufi yang hanya dapat difahami oleh mereka yang telah mencapai tahap *ma'rifah* yang tinggi. Tegasnya, karya tersebut boleh dianggap sebagai pelengkap kepada bentuk penafsiran Quran berasaskan kepada metod simbolik yang telah dihasilkan oleh ulama' sufi terdahulu.

b) Penerapan Nilai Spiritual Dalam Ilmu Nahu

Dalam bidang bahasa Arab, kajian mendapati al-Qushayri telah menghasilkan dua karya nahu berjudul "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" dan "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*" melalui pendekatan kesufian. Sekiranya ditinjau dari sudut tabei kedua-dua ilmu ini, memang didapati tiada sebarang kaitan yang signifikan antara ilmu nahu dan ilmu spiritual. Ilmu nahu banyak memfokuskan kepada aspek pembentukan dan penyusunan kata-kata dalam membina ayat yang lengkap. Manakala ilmu spiritual pula, lebih menumpukan kepada proses pembersihan jiwa dan pemurnian hati seseorang. Namun demikian, al-Qushayri sebagai tokoh ilmuan yang masyhur dalam bidang spiritual telah mampu menggabungkan kedua-dua unsur bahasa dan spiritual secara bersepadu dan integrative dalam kedua-dua karya tersebut. Seseorang yang sedang menelaah karya nahu tersebut, akan mendapati dirinya terdedah kepada nilai-nilai dan doktrin-doktrin yang terkandung dalam disiplin ilmu spiritual.

Al-Qushayri memulakan usahanya untuk memperkenalkan konsep nahu sufi secara ringkas, dengan menulis sebuah kitab kecil yang mengandungi beberapa muka surat. Beliau telah menamakannya dengan judul "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Setelah beliau mendapati perbahasannya memerlukan kepada penjelasan yang lebih mendalam, lalu diteruskan usahanya dengan menulis kitab kedua yang lebih terperinci penghuraianannya dan diberikan judul "*Naḥw Al-Qulūb Al-Kabīr*" (Ibrahim Bisayuni dan al-Jundi 1994:14). Kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*" dimulai dengan mukadimah yang agak panjang dan hanya membahaskan 17 topik ilmu nahu secara ringkas tetapi sarat dengan simbolik sufi. Manakala kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Kabīr*" pula didahului juga dengan mukadimah yang pendek dan menghuraikan 60 fasal yang terkandung dalam ilmu nahu termasuk topik-topik yang telah disentuh dalam kitab "*Naḥw al-Qulūb al-Ṣaghīr*". Walaupun kitab tersebut menggunakan pendekatan yang sama tetapi ia dilihat lebih mendetil perbahasannya dan begitu mendalam simboliknya.

c) Penerapan Nilai Spiritual Dalam Ilmu Sirah

Dalam bidang sirah pula, kajian mendapati al-Qushayri telah menghasilkan sebuah karya yang membicarakan mengenai peristiwa *mi'rāj* yang berlaku ke atas Nabi Muhammad mengikut pendekatan spiritual. Kitab ini dimulakan dengan perbahasan mengenai maksud *mi'rāj* dari sudut bahasa dan istilah. Kemudian disusuli dengan dalil-dalil dari Hadith yang membicarakan mengenai kisah *mi'rāj* Nabi hingga pertemuan dengan Allah Ta'ala. Dihuraikan di dalamnya juga, mengenai berbagai bentuk keistimewaan yang diberikan kepada baginda di sepanjang berlakunya peristiwa tersebut berbanding dengan nabi-nabi sebelumnya yang juga melalui *mi'rāj* mereka masing-masing. Selain dari itu, diterangkan juga beberapa *laṭā'if* atau rahsia halus yang terdapat di sebalik pengkisahan *mi'rāj* baginda s.a.w. sebagai pengajaran kepada umat Islam. Dalam bahagian akhir kitab tersebut, al-Qushayri telah memaparkan beberapa pandangan ulama' sufi mengenai kisah *mi'rāj* dan penafsiran mereka terhadap ayat Quran (والنجم إذا هوى).

Tegasnya, al-Qushayri ingin mengentengahkan dalam kitab tersebut satu pendekatan baharu dalam disiplin ilmu sirah iaitu penerapan nilai spiritual dalam kisah *mi'rāj* nabi dari bumi ke *Sidrah al-Muntaha*. Setiap kisah yang berlaku akan diolah dari sudut fakta yang dikukuhkan dengan dalil dari Quran dan Hadith. Kemudian perbahasannya disusuli pula dengan rahsia-rahsia pengajaran yang harus dicapai oleh setiap individu yang menceburkan diri dalam bidang kerohanian.

KESIMPULAN

Kajian merumuskan bahawa al-Qushayri merupakan seorang ulama' yang telah diperakui keilmuan dan kewibawaanya dalam berbagai bidang pengajian Islam khususnya yang berkaitan dengan ilmu spiritual. Ketokohnya lebih terserlah lagi kerana beliau mampu mengetengahkan satu pendekatan baharu dengan menerapkan nilai-nilai spiritual dalam berbagai disiplin ilmu Islam. Kecenderungan untuk mendalami ilmu spiritual di bawah pimpinan guru yang murshid, telah menyumbang kepada kematangan pemikiran sufi beliau. Penulisan karya-karya yang dipaparkan sebelum ini, telah mengetengahkan satu dimensi baharu dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Setiap perbahasan yang dikupas dalam ilmu-ilmu tersebut, pada hakikatnya boleh dikaitkan secara langsung dengan nilai spiritual untuk melahirkan individu muslim yang seimbang dari sudut zahir dan batin. Pendekatan yang beliau perkenalkan ini, telah melonjakkan reputasinya sehingga dikenali dalam kalangan ulama' sebagai tokoh ilmuan sufi *sunni* yang menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat (*al-jāmi' bayna al-syari'ah wa al-haqīqah*).

RUJUKAN

Ahmad Qasim al-Kassar (2012), *al-Imām al-Qushayri wa Juhūduhu fi Asalamah al-Dirāsāt al-Lughawīyah Kitāb Naḥw al-Qulūb Namūzajan*, dalam majalah tahunan "*Hawliyyat al-Turath*" bilangan 22, halaman 119-130 diterbitkan oleh Universiti Mastaghanim Algeria tahun 2012.

- ‘Abd al-Ghāfir al-Fārisi (2008), *al-Muntakhab min Al-Siyāq li Tārīkh Nīsābūr, intakhabahu* Ibrahim bin Muhammad, Mesir: Maktabah al-Thaqāfah al-‘Ilmiyyah
- ‘Abd al-Karim al-Sam‘āni (1990), *Kitāb Al-Ansāb*, Lubnan: Dār ‘ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy
- ‘Abd Allah bin Ali al-Maymuni (2006), *al-Taysīr fī al-Tafsīr lil-Imām Abd al-Karīm ibn Hawāzin al-Qushayri min Awwal al-Kitāb ilā Nihāyah Sūrah al-Baqarah Dirāsatan wa Tahqīqan*, Tesis Ph.D Universiti Umm al-Qura Arab Saudi.
- ‘Abd al-Qadir Isa (2005) *Haqā’iq ‘an al-Taṣawwuf*, Syria: Dār al-‘Irfān
- ‘Ali Hasan Abdul Qādir (1946), *Kitāb Al-Mi‘rāj Waḍa’ahu Abu Al-Qāsim ‘Abd al-Karim ibn Hawāzin Al-Qushayri*, Paris: Dar Bibliion
- Bakharzi, Ali bin al-Hasan bin Ali al- (1993), *Dumyah al-Qasr wa ‘Usrah Ahl al-‘Asr*, tahkik Muhammad al-Tunji, Beirut: Dar al-Jil
- Dawūdi, Muhammad bin Ali bin Ahmad al- (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*, Lubnan: daral-Kutub al-‘ilmiyyah
- Dhahabi, Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Uthman al- (t.t.), *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah
- Hāji Khalifah, Mustafa bin ‘Abd Allah (1990), *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmi al-Funūn*, Beirut: Dar al-Fikr
- Hujwiri, Abu al-Hasan Ali bin Uthman bin Abu Ali al-Jallabiy (1974), *Kashf al-Mahjūb*, Kaherah: Dar al-Turath al-Arabi
- Ibn ‘Arabi, Muhyi al-Din Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Ahmad al-Ta’iy (1999), *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn ‘Asākir, Abu al-Qasim Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah (1984), *Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abi Hasan al-Ash‘ariyy*, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy
- Ibn ‘Imād, Abdal-Hayy bin Ahmad bin Muhammad (t.t.), *Shadharāt al-Dhahab fi Akhbār man Dhahab*, Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj ‘Abd al-Rahman bin Abi al-Hasan Ali bin Muhammad (2009), *Ṣifah al-Ṣafwah*, Kaherah: Dār al-Hadīth
- Ibn al-Mulaqqan, Siraj al-Din Abu Hafs Umar bin Ali bin Ahmad (1973), *Ṭabaqāt al-Awliyā’*. Mesir: Maktabah al-Hanjil
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar‘iy al-Jawziyyah (1431), *Tuḥfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*, tahkik Uthman bin Jumaat, Saudi Arabia: Dar Alam al-Fawaid
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail bin Umar al-Dimashqi (1993), *Ṭabaqāt Al-Fuqaha’ Al-Shafi’iyyin*, Mesir: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah
- Ibn Kathīr, Abu al-Fida’ Ismail bin Umar al-Dimashqi (1985), *Al-Bidāyah wa Al-Nihāyah*, Beirut: Maktabah al-Ma‘arif
- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr (t.t.), *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Manẓūr, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Ali (t.t.), *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar Ṣādir
- Ibrahim Bisnyuni dan Ahmad ‘Ilm al-Din al-Jundi (1994), *Nahw al-Qulūb al-Kabīr li al-Imām Zayn al-Islām ‘Abd al-Karīm al-Qushayri*, Mesir: Maktabah ‘Ālam al-Fikr
- Ibrahim Bisnyuni (1972), *al-Imām al-Qushayri Sīratuh*, Athāruhu, Madhhabuhu fī al-Taṣawwuf. Kaherah: al-Maktabah al-Misriyyah
- Ibrahim Bisnyuni (1969), *Nash‘ah al-Taṣawwuf al-Islāmiyy*, Mesir: Dar al-Ma‘ārif
- Ismail Basha al-Baghdadi (1951), *Hadiyyah al-‘Arifīn Asmā’ al-Mu‘allifīn wa al-Muṣannifīn*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyy
- Ismail Basha al-Baghdadi (t.t.), *Īdāh al-Maknūn fi al-Dhayl ‘ala Kashf al-Zunūn ‘an Asami al-Kutub wa al-Funūn*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyy
- Jundi, Ahmad ‘Ilm al-Din al- (2008), *Nahw al-Qulūb al-Saghir li al-Imam Zayn al-Islām ‘Abd al-Karim al-Qushayri*, Mesir: al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Āmmah li al-Kitab
- Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit al- (t.t.), *Tārīkh Baghdād*, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Muhammad Hasan Fir (t.t.), *al-Rasā’il al-Qusahriyyah*, Pakistan: al-Ma‘had al-Markaziyy li al-Abḥāth al-Islāmiyyah.
- Qāsim al-Samarrā’i (1979), *‘Arba’ Rasail fi Al-Spiritual li Abi Al-Qasim Al-Qushayri*, Iraq: Matba‘ah al-Majma‘ al-‘Ilmi al-‘Iraqi
- Qalqashandi, Abi al-‘Abbas al- (1991), *Nihāyah al-‘Arb fi Ma ‘rifah ‘Ansab al-‘Arab*, Mesir: Dar al-Kitab al-Misriyy
- Qushayri, ‘Abd al-Karim bin Hawazin al- (2008), *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Mesir Sharikah al-Quds lil-Tijarah
- Qushayri, ‘Abd al-Karim bin Hawazin al- (1968), *Al-Tahbīr fī Al-Tadhkīr*, Kaherah: Dar al-Katib al-‘Arabi

- Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin al- (1971), *Latā'if Al-Isharāt*, Mesir: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Āmmah lil-Ta'lif wa al-Nashr
- Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin al- (2005) *Nahw Al-Qulūb*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin al- (t.t.), *Tartīb al-Sulūk fi Ṭarīq Allah Ta'ala*, tanpa tempat penerbitan.
- Sabūni, Muhammad bin 'Ali al- (1999), *al-Tibyān fi 'Ulūm al-Qur'an*, Kaherah: Dar al-Sabūni
- Sha'rani, 'Abd al-Wahhab bin Ahmad bin Ali al- (2012), *al-Yawāqūt wa al-Jawāhir fi bayān 'Aqā'id al-Akabar*, tahkik 'Abd al-Warīth Muhammad Ali, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sha'rani, 'Abd al-Wahhab bin Ahmad bin Ali al- (t.t.), *al-Anwār al-Qudsiyyah fi Ma'rifah Qawā'id al-Ṣūfiyyah*, tahkik Taha 'Abd al-Baqi, Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Subki, Taj al-Din Abu al-Nasr 'Abd al-Wahhab bin Ali bin 'Abd al-Kafi al- (t.t.), *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*. Mesir: Dar 'Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Sulamī, Muhammad bin Husain al- (2001), *Ḥaqā'iq al-Tafsīr*, tahkik Sayyid 'Imran, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Suyūṭi, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr Jalal al-Din al- (1982), *Ṭabaqāt t al-Mufasssirīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tha'ālibi, 'Abd al-Malik al- (1983), *Yatīmah al-Dahr fi Maḥāsīn Ahl al-'Asr*, tahkik Mufid Muhammad, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim al- (1998), *Manāhil al-'Irfān fi 'Ulūm al-Quran*, Beirut: Dar al-Turāth al-'Arabiyy
- Zirikli, Khayr al-Din al- (1980), *Al-'A'lām*, Beirut: dar al-'Ilm lil- Malayin

¹ Al-Batiniyyah merupakan golongan ahli sufi yang menyeleweng yang menganut fahaman kebatinan